

27/09/2000

`Jangan kenakan syarat tambahan kepada pelabur'

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan negeri supaya tidak mengenakan pelbagai syarat tambahan kepada pelabur sehingga menghalang pelaksanaan projek pembangunan yang sudah dirancang.

Perdana Menteri kesal banyak projek yang sudah diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) lewat atau gagal dilaksanakan kerana kerajaan negeri mengenakan syarat tambahan yang menyusahkan pelabur.

Kerajaan negeri, katanya, mesti memaklumkan kepada Mida terlebih dulu syarat tambahan yang ingin dikenakan supaya pelabur dapat menilai dan membuat keputusan dengan baik.

"Saya berasa amat sedih kerana selepas Mida meluluskan sesuatu projek, ada sehingga empat lima tahun pun tidak dimulakan kerana dikenakan syarat tambahan oleh kerajaan negeri.

"Kadang-kadang ada pelabur yang tarik diri kerana mereka tidak bersetuju dengan syarat itu," katanya merasmikan Pusat Dagangan Kedah di Menara UBN di sini, hari ini.

Bercakap pada sidang akhbar kemudian, Dr Mahathir berkata Kabinet memutuskan minggu lalu supaya projek yang diluluskan pada peringkat kementerian segera dilaksanakan dan peruntukan dibelanjakan tahun ini juga.

Turut hadir Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Kerajaan memandang berat kelewatan atau kegagalan melaksanakan projek pembangunan yang sudah diluluskan dan mendapat peruntukan kerana ia memberi kesan tidak baik kepada pertumbuhan ekonomi.

"Ia di bawah sasaran sebenar, sebab itu kita risau akan perkara ini," katanya.

Beliau juga berkata, semua pihak perlu mengurangkan kerenah birokrasi sementara Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) pula perlu segera membuat keputusan berhubung pelaksanaan projek pembangunan di negeri masing-masing.

Katanya, adalah sukar bagi pelabur berurusan dengan negeri yang tidak mempunyai dasar pelaburan telus, lambat memberi kelulusan dan tidak berpegang kepada janji.

Merujuk syarikat pengeluar komponen kapal terbang untuk Boeing di Bukit Kayu Hitam, Kedah, beliau berkata bukan mudah untuk menarik minat syarikat sedemikian untuk beroperasi di situ.

"Pelabur tentunya akan memberi keutamaan kepada tempat yang mudah bagi mereka mendapatkan keuntungan," katanya.

Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah pihak yang mencurigai rancangan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan di negeri mereka.

Dalam ucapannya, Syed Razak berkata Pusat Dagangan Kedah adalah pusat sehenti bagi menarik pelabur.

Beliau berkata, kestabilan politik di Kedah perlu dikekalkan kerana ia menjadi antara faktor penting untuk menarik pelabur.

Syed Razak juga berkata, kerajaan negeri terhutang budi kepada Dr Mahathir kerana sokongan beliau membolehkan Kedah "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi" dengan negeri lain dalam soal pembangunan.

(END)